

17 JAN 2001

PM MINTA KAKITANGAN PEJABATNYA TERUSKAN HUBUNGAN BAIK

PUTRAJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kakitangan pejabatnya supaya terus mengadakan hubungan baik sesama mereka bagi menjalankan tugas dengan sempurna.

Beliau berkata selama 19 tahun sebagai Perdana Menteri beliau berpuas hati dengan kerjasama yang diberi kakitangan pejabat itu dan mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan kerjasama mereka sehingga dapat menjayakan perancangan untuk memajukan negara.

Semasa berucap pada majlis sambutan Hari Raya anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Pejabat Perdana Menteri di sini, beliau berkata: "Jamuan hari raya seperti ini sudah menjadi satu tradisi dan memberi peluang untuk bertemu dan beramah mesra lagi."

"Saya tidak seperti orang lain... saya tak mudah mesra... suka duduk terpencil sedikit daripada orang. Tetapi kemudian dapat merapatkan diri dengan kakitangan sehingga dapat kenal staf yang suka makan coklat dan yang suka ke sana ke mari," katanya berseloroh.

Dr Mahathir berkata beliau berasa seronok dapat mengenali kakitangan dan mewujudkan perhubungan begitu baik semasa bekerja dan di luar masa bekerja.

"Saya mendapat kerjasama yang cukup daripada staf walaupun kadang-kala kerja yang saya minta tolong buat bukan urusan pejabat. Alhamdulillah nampaknya tiada sungutan," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

-- BERNAMA  
NZ HS RV NMO